

15 MAR 1996

Burdon - Lawatan

NEW ZEALAND MENARUH HARAPAN BAGI LAWATAN DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Mac (Bernama) -- New Zealand menaruh harapan bagi lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad lewat bulan ini dan menyifatkannya sebagai "peristiwa paling bermakna" dalam hubungan antara kedua-dua negara, kata seorang menteri New Zealand hari ini.

Philip Burdon, Menteri bagi Perundingan Perdagangan berkata New Zealand menganggap hubungannya dengan Malaysia sebagai amat penting.

"Kami menaruh harapan yang tinggi untuk menyambut Dr Mahathir dan menunjukkan kepadanya sesetengah faktor yang pada pendapat kami memungkinkan kedua-dua negara menjadi rakan karib," kata beliau pada pertemuan dengan ahli perniagaan tempatan di sini.

Dr Mahathir dijadualkan melakukan lawatan rasmi selama empat hari ke New Zealand mulai 25 Mac. Kali terakhir beliau melawat negara di Pasifik Selatan itu ialah November tahun lepas untuk menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM).

Burdon berkata Malaysia ialah pasaran terbesar bagi eksport New Zealand di Asia Tenggara (NZ\$396 juta pada 1995) dan sumber kedua terbesar import dari rantau itu selepas Singapura.

Walaupun imbalan perdagangan menguntungkan New Zealand, import semakin meningkat dan tahun lepas, ia melonjak sebanyak lebih separuh untuk mencapai NZ\$232 juta (NZ\$1 = RM1.70).

Malaysia ialah pelabur kedua terbesar dari negara ASEAN di New Zealand.

"Kami menyambut baik pelaburan dari syarikat dan individu dari Malaysia dalam bidang-bidang kepentingan bersama. Perkongsian dengan Malaysia menjadi faktor dinamik bagi pertumbuhan," kata Burdon.

Malaysia dan New Zealand mempunyai sejarah hubungan antara rakyat dengan rakyat yang telah lama terjalin dan telah memupuk kerjasama erat dalam pelbagai bidang termasuk latihan ketenteraan dan pendidikan.

Kerjasama latihan ketenteraan New Zealand dengan Malaysia ialah yang kedua terbesar selepas Australia. Ketiga-tiga negara itu bersama Britain dan Singapura menganggotai Peraturan Pertahanan Lima Negara (FPDA).

Dalam pada itu, lebih 13,000 rakyat Malaysia mendapat pendidikan di New Zealand. Burdon berkata New Zealand kini mendapat manfaat hasil daripada pembaharuan ekonomi lebih satu dekad.

Negara itu telah mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi dengan purata 5.2 peratus setahun sejak tiga tahun lepas.

"Ini berupa perolehan yang memberangsangkan hasil pencapaian sepanjang 1970-an dan awal 80-an apabila negara itu mencatatkan pertumbuhan cuma 1.4 peratus iaitu kurang separuh daripada peratusan Pertumbuhan bagi Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD)," kata beliau.

Ketika ditemui pemberita kemudian, Burdon berkata walaupun tidak dapat dinafikan bahawa New Zealand mencorakkan warisan Eropah, ia melihat dirinya sebagai entiti Pasifik Barat dan masyarakat yang sentiasa mengalami perubahan.

Justeru itu, tidaklah adil untuk mengkategorikan New Zealand sebagai Eropah seperti juga tidak wajar untuk menganggap Peru sebagai Sepanyol atau Brazil sebagai Portugis.

New Zealand, seperti juga Australia telah berusaha untuk mempertingkatkan integrasi dengan Asia.

Dalam konteks ini, Wellington menyifatkan lawatan Dr Mahathir sebagai peristiwa paling bermakna. -- BERNAMA

ZMY SJ FAZ

